



Rujukan : JANM.500-8/3/3 (26)
Tarikh : 30 Januari 2026

Semua Pengarah Bahagian JANM

Semua Pengarah JANM Negeri/ Cawangan

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Bendahari Negeri

YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PELAWAAN PRA-PERMOHONAN PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SESI 2027 BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA ATAU KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA UNTUK PEGAWAI SKIM AKAUNTAN LANTIKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang memenuhi syarat yang ditetapkan bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana atau Kedoktoran (Ph.D) secara sepenuh masa setiap tahun.

3. Oleh yang demikian, pra-permohonan ini diadakan sebagai persediaan awal untuk tujuan saringan oleh JANM sebagai Ketua Perkhidmatan sebelum permohonan dikemukakan kepada JPA kelak. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) JANM bilangan 1 tahun 2026 bertarikh 21 Januari 2026 telah memutuskan senarai bidang yang diberi keutamaan bagi pertimbangan calon HLP sesi 2027 seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, pemilihan bidang oleh pemohon adalah tertakluk kepada senarai bidang yang ditawarkan melalui iklan HLP sesi 2027 oleh JPA dan keputusan pengurusan JANM kelak.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memanjangkan pelawaan pra-permohonan program HLP sesi 2027 ini kepada semua Akauntan di bawah seliaan masing-masing. Akauntan yang berminat hendaklah mengisi maklumat dan mengemukakan *proposal* kajian mengikut bidang keutamaan melalui pautan <https://forms.gle/oxSJCPkRwzwVic6> sebelum atau pada **2 Mac 2026 (Isnin)**.

5. Panduan penulisan kertas cadangan penyelidikan/ pernyataan ringkas pengajian disertakan di **Lampiran B**. Sesi temuduga bersama Pengurusan Tertinggi JANM akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sila rujuk syarat-syarat permohonan yang ditetapkan seperti di **Lampiran C**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai di talian 03 – 8882 1035/ 1188/ 1173/ 1143 atau e-melkan kepada urus_sukk@anm.gov.my.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



[TARMIZI BIN TAMBY CHIK C.A.(M)]

b.p Akauntan Negara Malaysia

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia